



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **Kontrak** di Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Tapah.

I. Jawatan

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
KUMPULAN PELAKSANA				MINIMUM	MAKSIMUM
1.	PENOLONG PEGAWAI KESATRIA	S29	PENOLONG PEGAWAI KESATRIA	RM1,493.00	RM5,672.00

SYARAT LANTIKAN

1. PENOLONG PEGAWAI KESATRIA (GRED S29) (Penempatan : UiTM Kampus Tapah)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00) ; atau
 - (iii) Bekas Inspektor Polis Diraja Malaysia atau Leftenan Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
 - (iv) Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan mempunyai pengetahuan berhubung dengan peraturan-peraturan Angkatan Tentera Malaysia atau Polis Diraja Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,770.95).

DAN

- (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53 bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26 ;

- (iv) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(i) atau (ii) atau (iv) di atas hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- (a) Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemaskini.
- (b) Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan salinan kad pengenalan dan sijil-sijil yang disahkan benar dari salinan asal.
- (c) Hanya permohonan-permohonan yang ditapis senarai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (d) Pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak universiti selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup dianggap **TIDAK BERJAYA**.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh didapati dengan datang sendiri ke Pejabat Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Tapah, Perak atau dengan melayari laman sesawang Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak di <https://tapah.uitm.edu.my>.
- (b) Setiap permohonan yang dihantar hendaklah ditulis nama jawatan yang dipohon di sebelah kiri (atas) sampul surat.
- (c) Tarikh tutup permohonan adalah pada hari **14 JULAI 2019 (AHAD)**.

Sila kemukakan permohonan kepada:



**PENOLONG PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERAK
KAMPUS TAPAH
35400 TAPAH ROAD
PERAK DARUL RIDZUAN
NO.TEL: (05) 4067071**

RUJUKAN : 500-KPK/TPH(PT.2/2)

TARIKH : 1 JULAI 2019